

# Agong lantik Muhyiddin

Persoalan siapa akan dilantik sebagai Perdana Menteri akhirnya terjawab

Oleh MOHD RIZDUAN ABU HASSAN

KUALA LUMPUR

**P**ersoalan siapa yang akan dilantik sebagai Perdana Menteri terjawab apabila Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah semalam berkenan melantik Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu), Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin sebagai Perdana Menteri kelapan.

Pelantikan tersebut diperkenan Seri Paduka dalam satu kenyataan dikeluarkan oleh Datuk Paduka Pengelola Bijaya Diraja, Datuk Ahmad Fadil Shamsuddin semalam.

Menurut Ahmad Fadil, Istana Negara telah menerima senarai nama untuk dicalonkan bagi jawatan Perdana Menteri daripada ketua parti politik yang mempunyai wakil dalam Dewan Rakyat serta ahli Dewan Rakyat yang bebas.

Beliau berkata, proses itu merupakan lanjutan daripada titah Seri Paduka sebelum ini supaya mereka menamakan calon yang dipilih masing-masing.

“Setelah mendapat representasi daripada semua ketua parti politik yang mewakili parti masing-masing serta ahli Dewan Rakyat yang bebas.

“Pada hemat Seri Paduka Baginda, ahli Dewan Rakyat yang mungkin mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat ialah YB Tan Sri Muhyiddin Yassin, Ahli Parlimen Pagoh (P143).



Muhyiddin dan isteri, Puan Sri Noorainee Abdul Rahman (kanan) di hadapan kediaman mereka selepas menerima perkenan Yang di-Pertuan Agong untuk dilantik sebagai Perdana Menteri kelapan.

“Sehubungan itu, Seri Paduka Baginda telah berkenan melantik YB Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Perdana Menteri selaras dengan Perkara 40(2)(a) dan Perkara 43(2)(a) Perlembagaan Persekutuan,” kata kenyataan tersebut.

Dalam kenyataan sama, Ahmad Fadil memaklumkan bahawa proses seterusnya ialah Istiadat Pengurniaan Suratcara Pelantikan dan Mengangkat Sumpah Jawatan sebagai Perdana Menteri pada 1 Mac 2020 (hari ini) jam 10.30 pagi di Istana Negara.

Menurutnya, Seri Paduka bertitah bahawa proses pelantikan Perdana Menteri tidak boleh dilengahkan kerana negara memerlukan kerajaan demi kesejahteraan rakyat dan negara yang kita cintai bersama.

“Seri Paduka bertitah bahawa ini adalah keputusan terbaik untuk semua dan menzahirkan harapan agar kemelut politik ini berakhir.

“Seri Paduka turut menzahirkan penghargaan dan terima kasih kepada rakyat dan semua yang terlibat khususnya agensi kerajaan keselamatan dan pihak media,”

kata kenyataan tersebut.

Krisis politik negara memabatkan pelantikan jawatan Perdana Menteri memasuki hari ketujuh semalam.

Kelmarin, pemimpin Bersatu, UMNO, Pas, Gabungan Parti Sarawak (GPS) dan beberapa pemimpin parti kecil lain menyatakan sokongan mereka kepada Presiden Bersatu itu.

Bagaimanapun, pagi semalam, PH yang sebelum ini menyatakan sokongan kepada Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim menukar pendirian dengan memilih Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri.

Dengan pelantikan Muhyiddin semalam, isu pelantikan Perdana Menteri kelapan sepatutnya menemui jalan penyelesaian.

Namun begitu, Muhyiddin perlu mendapatkan sokongan dalam Dewan Rakyat terhadap kerajaan baharu yang bakal dibentuk kelak.

PH juga masih boleh mengusulkan undi tidak percaya terhadap Muhyiddin ketika Dewan Rakyat bersidang bulan ini.

## Perkembangan politik semalam

**9.30 pagi:** Perdana Menteri Interim, Tun Dr Mahathir Mohamad mengumumkan bahawa beliau mempunyai angka mencukupi untuk membentuk kerajaan baharu selepas bertemu dengan pemimpin Pakatan Harapan (PH) pagi semalam.

**10.10 pagi:** Pemimpin politik mula tiba di Istana Negara untuk menghadap Yang di-Pertuan Agong. Antara mereka ialah Presiden Bersatu, Tan Sri Muhyiddin Yassin; bekas Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali; Setiausaha Agung UMNO, Tan Sri Annuar Musa; Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang dan Ketua Whip Gabungan Parti Sarawak (GPS), Datuk Seri Fadilah Yusoff.

**12.35 tengah hari:** Muhyiddin mengisytiharkan dirinya sebagai pemangku Pengerusi Bersatu. Bagaimanapun, pada jam 1 petang, Setiausaha Agung Bersatu, Datuk Marzuki Yahya mengeluarkan kenyataan mendakwa Dr Mahathir masih merupakan pengerusi parti itu.

**1.50 petang:** Kenderaan membawa Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim dilihat memasuki Istana Negara dan keluar kira-kira 10 minit kemudian. Beliau diiringi Ahli Parlimen Lembah Pantai, Ahmad Fahmi Fadzil.

**4.30 petang:** Istana Negara dalam satu kenyataan memaklumkan bahawa Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan melantik Muhyiddin sebagai Perdana Menteri kelapan. Pelantikan tersebut diperkenan Seri Paduka dalam satu kenyataan dikeluarkan Datuk Paduka Pengelola Bijaya Diraja, Datuk Ahmad Fadil Shamsuddin semalam.